NEGERI PERAK

# Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

*GOVERNMENT OF PERAK GAZETTE*

*PUBLISHED BY AUTHORITY*

Jil. 71
Bil. 26

**27hb Disember 2018**

*TAMBAHAN*
*No. 5*

**No. 3804.**

SIJIL KETUA AUDIT NEGARA
MENGENAI PENYATA KEWANGAN
MAJLIS PERBANDARAN KUALA KANGSAR
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2016

Laporan Mengenai Penyata Kewangan

*Pendapat*

Penyata Kewangan Majlis Perbandaran Kuala Kangsar telah diaudit oleh wakil saya yang merangkumi Lembaran Imbangan pada 31 Disember 2016 dan Penyata Pendapatan, Penyata Perubahan Dalam Ekuiti serta Penyata Aliran Tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut, ringkasan polisi perakaunan yang signifikan dan nota kepada penyata kewangan seperti dinyatakan pada muka surat 5 hingga 22.

Pada pendapat saya, penyata kewangan ini memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Majlis Perbandaran Kuala Kangsar pasa 31 Disember 2016 dan prestasi kewangan serta aliran tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut selaras dengan piawaian pelaporan kewangan yang diluluskan oleh Ahli Majlis dan Akta Kerajaan Tempatan, 1976 (Akta 171).

*Asas Kepada Pendapat*

Saya telah melaksanakan pengauditan berdasarkan Akta Audit 1957 dan *The International Standards of Supreme Audit Institutions.* Tanggungjawab saya dihuraikan selanjutnya di perenggan Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan dalam laporan ini. Saya percaya bahawa bukti audit yang diperoleh adalah mencukupi dan bersesuaian untuk dijadikan asas kepada pendapat saya.

*Kebebasan dan Tanggungjawab Etika Lain*

Saya adalah bebas daripada Majlis Perbandaran Kuala Kangsar dan telah memenuhi tanggungjawab etika lain berdasarkan *The International Standards of Supreme Audit Institutions.*

*Maklumat Lain Selain Daripada Penyata Kewangan dan Laporan Juruaudit Mengenainya*

Ahli Majlis bertanggungjawab terhadap maklumat lain dalam Laporan Tahunan. Pendapat saya terhadap penyata kewangan Majlis Perbandaran Kuala Kangsar tidak meliputi maklumat lain selain daripada Penyata Kewangan dan Laporan Juruaudit mengenainya dan saya tidak menyatakan sebarang bentuk kesimpulan jaminan mengenainya.

*Tanggungjawab Ahli Majlis Terhadap Penyata Kewangan*

Ahli Majlis bertanggungjawab terhadap penyediaan penyata kewangan Majlis Perbandaran Kuala Kangsar yang memberi gambaran benar dan saksama selaras dengan piawaian pelaporan kewangan yang diluluskan oleh Ahli Majlis dan Akta Kerajaan Tempatan, 1976 (*Akta 171*). Ahli Majlis juga bertanggungjawab terhadap penetapan kawalan dalaman yang perlu bagi membolehkan penyediaan penyata kewangan Majlis Perbandaran Kuala Kangsar adalah bebas daripada salah nyata yang ketara sama ada disebabkan oleh fraud atau kesilapan.

Semasa penyediaan penyata kewangan Majlis Perbandaran Kuala Kangsar, Ahli Majlis bertanggungjawab untuk menilai keupayaan Majlis Perbandaran Kuala Kangsar untuk beroperasi sebagai satu usaha berterusan, mendedahkannya jika berkaitan serta menggunakannya sebagai asas perakaunan.

*Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan*

Objektif saya adalah untuk memperoleh keyakinan yang munasabah sama ada penyata kewangan Majlis Perbandaran Kuala Kangsar secara keseluruhannya adalah bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, dan mengeluarkan Laporan Juruaudit yang merangkumi pendapat saya. Jaminan yang munasabah adalah satu tahap jaminan yang tinggi, tetapi bukan satu jaminan bahawa audit yang dijalankan mengikut *The International Standards of Supreme Audit Institutions* akan sentiasa mengesan salah nyata yang ketara apabila ia wujud. Salah nyata boleh wujud daripada fraud atau kesilapan dan dianggap ketara sama ada secara individu atau agregat sekiranya boleh dijangkakan dengan munasabah untuk mempengaruhi keputusan ekonomi yang dibuat oleh pengguna berdasarkan penyata kewangan ini.

Sebagai sebahagian daripada pengauditan mengikut *The International Standards of Supreme Audit Institutions,* saya menggunakan pertimbangan profesional dan mengekalkan keraguan profesional sepanjang pengauditan. Saya Juga:

a. Mengenal pasti dan menilai risiko salah nyata ketara dalam penyata kewangan Majlis Perbandaran Kuala Kangsar, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, merangka dan melaksanakan prosedur audit yang responsif

terhadap risiko berkenaan serta mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian untuk memberikan asas kepada pendapat saya. Risiko untuk tidak mengesan salah nyata ketara akibat daripada fraud adalah lebih tinggi daripada kesilapan, kerana fraud mungkin melibatkan pakatan, pemalsuan, ketinggalan yang disengajakan, representasi yang salah, atau mengatasi kawalan dalaman.

b. Memahami kawalan dalaman yang relevan untuk merangka prosedur audit yang bersesuaian tetapi bukan untuk menyatakan pendapat mengenai keberkesanan kawalan dalaman Majlis Perbandaran Kuala Kangsar.

c. Menilai kesesuaian dasar perakaunan yang diguna pakai, kemunasabahan anggaran perakaunan dan pendedahan yang berkaitan oleh Ahli Majlis.

d. Membuat kesimpulan terhadap kesesuaian penggunaan asas perakaunan untuk usaha berterusan oleh Ahli Majlis dan berdasarkan bukti audit yang diperoleh, sama ada wujudnya ketidakpastian ketara yang berkaitan dengan peristiwa atau keadaan yang menimbulkan keraguan yang signifikan terhadap keupayaan Majlis Perbandaran Kuala Kangsar sebagai satu usaha berterusan. Jika saya membuat kesimpulan bahawa ketidakpastian ketara wujud, saya perlu melaporkan dalam Laporan Juruaudit terhadap pendedahan yang berkaitan dalam penyata kewangan Majlis Perbandaran Kuala Kangsar atau, jika pendedahan tersebut tidak mencukupi, pendapat saya akan diubah. Kesimpulan saya dibuat berdasarkan bukti audit yang diperoleh sehingga tarikh Laporan Juruaudit.

e. Menilai sama ada keseluruhan persembahan termasuk pendedahan penyata kewangan Majlis Perbandaran Kuala Kangsar memberi gambaran yang saksama.

Saya telah berkomunikasi dengan Ahli Majlis, antaranya mengenai skop dan tempoh pengauditan yang dirancang serta penemuan audit yang signifikan termasuk kelemahan kawalan dalaman yang dikenal pasti semasa pengauditan.

*Laporan Mengenai Keperluan Perundangan dan Peraturan Lain*

Berdasarkan keperluan Akta Kerajaan Tempatan, 1976 (Akta 171), saya juga melaporkan bahawa pada pendapat saya, rekod perakaunan dan rekod lain yang dikehendaki Akta untuk disimpan oleh Majlis Perbandaran Kuala Kangsar telah disimpan dengan sempurna menurut peruntukan Akta.

*Hal-hal Lain*

Laporan ini dibuat untuk Ahli Majlis dan bukan untuk tujuan lain. Saya tidak bertanggungjawab terhadap pihak lain bagi kandungan laporan ini.

SAHARUDDIN BIN MAHAMUD
*b.p. Ketua Audit Negara*
*Malaysia*

IPOH
06 Julai 2017

PENYATA OLEH AHLI-AHLI MAJLIS
MAJLIS PERBANDARAN KUALA KANGSAR,
PERAK DARUL RIDZUAN

Kami, Clr. Hamdan bin Mat Siat dan Clr. Yunos bin Husin yang merupakan Ahli Majlis, Majlis Perbandaran Kuala Kangsar dengan ini menyatakan bahawa, pada pendapat kami Lembaran Imbangan, Penyata Pendapatan, Penyata Perubahan Ekuiti dan Penyata Aliran Tunai yang berikut ini beserta dengan Nota-nota di dalamnya adalah disediakan untuk menunjukkan pandangan yang benar dan saksama berkenaan kedudukan Majlis Perbandaran Kuala Kangsar pada 31 Disember 2016 dan hasil kendaliannya dan perubahan kedudukan kewangannya bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut.

Bagi Pihak Lembaga Ahli Majlis,

CLR. HAMDAN BIN MAT SIAT
*Ahli Majlis*
*Majlis Perbandaran Kuala Kangsar*
*Tarikh: 22 Jun 2017*

Bagi Pihak Lembaga Ahli Majlis,

CLR. YUNOS BIN HUSIN
*Ahli Majlis*
*Majlis Perbandaran Kuala Kangsar*
*Tarikh: 22 Jun 2017*

PENGAKUAN OLEH PEGAWAI UTAMA YANG
BERTANGGUNGJAWAB KE ATAS PENGURUSAN KEWANGAN
MAJLIS PERBANDARAN KUALA KANGSAR,
PERAK DARUL RIDZUAN

Saya, Dato' Shahrom bin Dato' Abd Malik, pegawai utama yang bertanggungjawab ke atas pengurusan kewangan Majlis Perbandaran Kuala Kangsar, dengan ikhlasnya mengakui bahawa Penyata Kewangan yang mengandungi Lembaran Imbangan, Penyata Pendapatan, Penyata Perubahan Ekuiti dan Penyata Aliran Tunai yang berikut ini beserta dengan Nota-nota di dalamnya, mengikut sebaik-baik pengetahuan dan kepercayaan saya, adalah benar dan saksama dan saya membuat pengakuan ini dengan sebenarnya mempercayai bahawa ianya adalah benar dan menurut kehendak-kehendak Akta Akuan Berkanun 1960.

Ditandatangani dan diakui oleh )
penama yang tersebut di atas )
di Kuala Kangsar pada 22 Jun 2017 )

t.t.
DATO' SHAHROM BIN DATO' ABD. MALIK
*Yang Dipertua*
*Majlis Perbandaran Kuala Kangsar*
*Perak Darul Ridzuan.*

Di hadapan saya,

t.t.
Pesuruhjaya Sumpah
Majistret Negeri Perak

MAJLIS PERBANDARAN KUALA KANGSAR,
PERAK DARUL RIDZUAN
LEMBARAN IMBANGAN PADA 31 DISEMBER 2016

| | NOTA | 2016 RM | 2015 RM |
|---|---|---|---|
| ASET BUKAN SEMASA | | | |
| Hartanah, loji dan Peralatan | 4 | 59,966,396 | 55,259,287 |
| Kerja Dalam Pelaksanaan | 6 | 1,683,609 | 222,902 |
| ASET SEMASA | | | |
| Penghutang | 7 | 6,334,615 | 6,640,684 |
| Bayaran Terdahulu | 8 | 61,071 | 13,502 |
| Cagaran Dibayar | 9 | 38,040 | 38,040 |
| Simpanan Tetap | 10 | 2,000,000 | 1,000,000 |
| Wang di Bank Dan di Tangan | 11 | 1,139,375 | 1,357,723 |
| | | 9,573,101 | 9,049,949 |
| LIABILITI SEMASA | | | |
| Pemiutang | 12 | 2,865,063 | 3,318,234 |
| Terimaan Terdahulu | 13 | 96,714 | 113,264 |
| Cagaran Diterima | 14 | 951,814 | 856,977 |
| Pinjaman | 16 | 327,511 | 321,089 |
| | | 4,241,102 | 4,609,564 |
| ASET SEMASA BERSIH | | 5,331,999 | 4,440,385 |
| | | 66,982,004 | 59,922,574 |
| Dibiayai oleh: | | | |
| Kumpulan Wang Terkumpul | 17 | 5,885,283 | 6,813,803 |
| Kumpulan Wang Lain-Lain | 18 | 4,494,428 | 2,949,970 |
| Rezab Atas Penilaian Tanah | 19 | 494,387 | 494,387 |
| Pemberian Kerajaan Yang Dimodalkan | 20 | 55,433,103 | 48,662,100 |
| | | 66,307,201 | 58,920,260 |
| LIABILITI BUKAN SEMASA | | | |
| Pinjaman | 16 | 674,803 | 1,002,314 |
| Jumlah | | 66,982,004 | 59,922,574 |

PENYATA PENDAPATAN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2016

| | NOTA | 2016 RM | 2015 RM |
|---|---|---|---|
| PENDAPATAN | | | |
| Hasil Cukai | 21 | 10,494,726 | 10,063,567 |
| Hasil Bukan Cukai | 22 | 6,017,775 | 5,928,009 |
| Terimaan Bukan Hasil | 23 | 5,528,853 | 4,986,295 |
| Jumlah | | 22,041,354 | 20,977,871 |
| PERBELANJAAN | | | |
| Emolumen | 24 | 11,990,227 | 11,697,943 |
| Perkhidmatan dan Bekalan | 25 | 6,852,289 | 6,809,585 |
| Harta Modal | 26 | 87,169 | 68,664 |
| Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap | 27 | 69,281 | 177,814 |
| Perbelanjaan Lain | 28 | 1,274,774 | 647,342 |
| Susutnilai | 4 | 2,681,716 | 2,496,892 |
| Pembangunan | 29 | 14,418 | 45,088 |
| Jumlah | | 22,969,874 | 21,943,328 |
| Kurangan Pendapatan Atas Perbelanjaan | | (928,520) | (965,457) |

## PENYATA PERUBAHAN EKUITI BAGI TAHUN BERAKHIR PADA 31 DISEMBER 2016

| | Kumpulan Wang Terkumpul | Kumpulan Wang Pinjaman Kenderaan | Kumpulan Wang Pinjaman Komputer | Kumpulan Wang Pembangunan | Kumpulan Wang Pengurusan | Wang Pembasmian Kemiskinan | Kumpulan Wang Saliran | Kumpulan Wang Tmn Myg Sari | Kumpulan Wang Caj Pemajuan | Jumlah |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | RM | RM | RM | RM | RM | RM | RM | RM | RM | RM |
| Baki pada 1 Januari 2015 | 7,779,260 | 150,000 | 50,000 | 965,958 | 232,503 | 156,952 | 371,729 | 7,000 | - | 9,713,402 |
| Kurangan Pendapatan | (965,457) | - | - | - | - | - | - | - | - | (965,457) |
| Penerimaan | - | - | - | 2,405,924 | 87,644 | 26,784 | 116,246 | - | 121,600 | 2,758,198 |
| Perbelanjaan | - | - | - | (1,110,071) | (200,577) | (26,787) | (404,935) | - | - | (1,742,370) |
| Pelarasan Tahun Semasa | - | - | - | (50,000) | 50,000 | - | - | - | - | - |
| Baki pada 31hb Disember 2015 | 6,813,803 | 150,000 | 50,000 | 2,211,811 | 169,570 | 156,949 | 83,040 | 7,000 | 121,600 | 9,763,773 |
| Kurangan Pendapatan | (928,520) | - | - | - | - | - | - | - | - | ((928,520) |
| Penerimaan | - | - | - | 5,541,149 | 107,316 | - | 119,640 | - | 50,590 | 5,818,695 |
| Perbelanjaan | - | - | - | (4,177,884) | (82,713) | (13,640) | - | - | - | (4,274,237) |
| Baki pada 31 Disember 2016 | 5,885,283 | 150,000 | 50,000 | 3,575,076 | 194,173 | 143,309 | 202,680 | 7,000 | 172,190 | 10,379,711 |

PENYATA ALIRAN TUNAI
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2016

| | 2016<br>RM | 2015<br>RM |
|---|---|---|
| Aliran Tunai Daripada Aktiviti Operasi | | |
| Kurangan Pendapatan atas Perbelanjaan | (928,520) | (965,457) |
| Pelarasan yang tidak melibatkan Pergerakan tunai: | | |
| Pindahan Pemberian Kerajaan Yang Dimodalkan | (1,943,281) | (1,845,309) |
| Susutnilai | 2,681,716 | 2,496,892 |
| Peruntukan Hutang Ragu dan Hapuskira | 1,043,496 | 329,672 |
| Peruntukan Susutnilai Terkurang Diambilkira | 1 | - |
| Keuntungan Pelupusan Hartanah, Loji dan Peralatan | (29,488) | - |
| Kerugian Daripada Pelupusan Hartanah, Loji dan Peralatan | 2,121 | 109,601 |
| | 826,045 | 125,399 |
| Pertambahan Dalam Penghutang | (784,996) | (895,504) |
| (Pengurangan)/Pertambahan Dalam Pemiutang | (368,462) | 1,610,210 |
| Aliran Tunai Bersih (Digunakan Oleh)/ Dihasilkan Daripada Aktiviti Operasi | (327,413) | 840,105 |
| Aliran Tunai Daripada Aktiviti Pelaburan | | |
| Pembelian Hartanah, Loji dan Peralatan | (137,371) | (801,926) |
| Pemberian Kerajaan Yang Dipermodalkan | - | 709,666 |
| Terimaan Tunai Daripada Jualan Hartanah, Loji dan Peralatan | 29,489 | - |
| Kerja Dalam Pelaksanaan | - | (222,902) |
| Aliran Tunai Bersih Digunakan Oleh Aktiviti Pelaburan | (107,882) | (315,162) |
| Aliran Tunai Daripada Aktiviti Pembiayaan | | |
| Kumpulan Wang Pembangunan | 1,363,265 | 1,245,853 |
| Kumpulan Wang Pembasmian Kemiskinan | (13,639) | (3) |
| Kumpulan Wang Pengurusan | 24,602 | (62,933) |
| Kumpulan Wang Saliran | 119,640 | (288,689) |
| Kumpulan Wang Kpg Tersusun Taman Mayang Sari | - | - |
| Kumpulan Wang Caj Pemajuan | 50,590 | 121,600 |
| Terimaan Tunai Daripada Pinjaman | (327,511) | (872,405) |
| Aliran Tunai Bersih Daripada Aktiviti Pembiayaan | 1,216,947 | 143,423 |

PENYATA ALIRAN TUNAI
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2016—*(samb.)*

| | 2016 RM | 2015 RM |
|---|---|---|
| Aliran Bersih Tunai dan Kesetaraan Tunai | 781,652 | 668,366 |
| Tunai dan Kesetaraan Tunai Pada Awal Tahun | 2,357,723 | 3,533,903 |
| Tunai dan Kesetaraan Tunai Pada Akhir Tahun | 3,139,375 | 4,202,269 |
| Tunai dan Kesetaraan Tunai Diwakili oleh: | | |
| Simpanan Tetap | 2,000,000 | 1,000,000 |
| Wang Di Bank dan Di Tangan | 1,139,375 | 1,357,723 |
| | 3,139,375 | 2,357,723 |

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA
KEWANGAN 31 DISEMBER 2016

1. MAKLUMAT ORGANISASI

1.1 VISI

Menjadikan Majlis sebagai sebuah organisasi yang berwibawa dan berdaya maju didalam pentadbiran dan perkhidmatan perbandaran yang cekap dan berkesan kepada penduduk serta kawasan di bawah pentadbirannya.

1.2 AKTIVITI UTAMA

Aktiviti utama Majlis adalah untuk menyediakan perkhidmatan dan kemudahan perbandaran serta menggalakkan pembangunan sosial, fizikal, ekonomi dan pembangunan kegunaan tanah yang teratur, selesa dan berwawasan. Di samping itu Majlis juga bertanggungjawab untuk menyediakan kemudahan rekreasi, riadah bagi mengindahkan serta menyenggara kawasan Majlis Perbandaran Kuala Kangsar supaya dapat mewujudkan suasana alam sekitar yang harmoni.

Mulai November 2005 Majlis diberi tanggungjawab untuk menguruskan Kolam Renang.

Mulai Januari 2015, Rumah Rehat Kuala Kangsar telah diambilalih oleh Pihak Perbadanan Kemajuan Negeri Perak manakala Persisiran Sayong pula diambilalih oleh Sayong Berhad.

Mulai 19 Februari 2016, Pengurusan Resort Sungai Perak pula telah diambil alih semula oleh pihak Majlis Perbandaran Kuala Kangsar.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA
KEWANGAN 31 DISEMBER 2016—(*Samb.*)

1.3 STRUKTUR ORGANISASI

Majlis terdiri daripada 8 jabatan iaitu:

1.3.1 Jabatan Yang Dipertua
- 1.3.1.1 Unit OSC
- 1.3.1.2 Unit Undang-Undang / Unit Integriti
- 1.3.1.3 Unit Audit Dalam
- 1.3.1.4 Unit Korporat

1.3.2 Jabatan Khidmat Pengurusan
1.3.3 Jabatan Perbendaharaan
1.3.4 Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta
1.3.5 Jabatan Kesihatan Persekitaran dan Pelesenan
1.3.6 Jabatan Kejuruteraan dan Penyelenggaraan
1.3.7 Jabatan Perancang Bandar dan Landskap
1.3.8 Jabatan Bangunan dan Penguatkuasaan

1.4 MAKLUMAT ANGGOTA KERJA

Kedudukan anggota kerja adalah seperti berikut:

| Kumpulan | Jumlah Penjawatan | Taraf | Diisi |
|---|---|---|---|
| Pengurusan & Profesional | 10 | Tetap | 8 |
| Sokongan I | 109 | Tetap | 88 |
| Sokongan II | 201 | Tetap | 179 |
| Jumlah | 320 | | 275 |

1.5 PENGURUSAN MAJLIS

Majlis terdiri daripada Yang Dipertua, 24 Ahli Majlis dan Setiausaha yang bertindak di dalam ruang lingkup kuasa yang diberikan dibawah:

1.5.1 Akta Kerajaan Tempatan, 1976 (Akta 171)
1.5.2 Akta Jalan, Parit dan Bangunan, 1974 (Akta 133)
1.5.3 Akta Perancang Bandar dan Desa, 1976 (Akta 172) dan
1.5.4 Undang-Undang Kecil yang diluluskan.

Lembaga/Jawatankuasa-jawatankuasa yang diwujudkan terdiri daripada:

i. Jawatankuasa Pusat Setempat (OSC)
ii. Jawatankuasa Kecil Sebutharga dan Lembaga Tender
iii. Lembaga Tatatertib dan Kenaikan Pangkat
iv. Jawatankuasa Kecil Penilaian dan Taksiran
v. Jawatankuasa Mendengar Bantahan

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA
KEWANGAN 31 DISEMBER 2016—(*Samb.*)

1.6 SUMBER KEWANGAN

Majlis memperolehi pembiayaan melalui hasil daripada aktiviti-aktiviti utama serta sumbangan daripada Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan.

2. POLISI PENGURUSAN RISIKO KEWANGAN

Polisi pengurusan risiko kewangan Majlis bertujuan untuk memastikan sumber kewangan Majlis adalah mencukupi bagi tujuan operasi dan pembangunan yang telah dirancang. Majlis beroperasi berdasarkan garis panduan dan polisi-polisi yang dibenarkan dan tidak terlibat dalam sebarang aktiviti spekulasi.

2.1 Risiko Kecairan dan Aliran Tunai

Risiko kecairan merupakan risiko bahawa entiti akan menghadapi kesukaran dalam dana bagi memenuhi obligasi semasa dan masa depan yang berkaitan dengan obligasi kewangan apabila telah sampai tempoh.

2.2 Risiko Kredit

Risiko kredit adalah berkemungkinan bagi kerugian yang berpunca daripada kegagalan penghutang atau pihak berhubung untuk memenuhi obligasi kontrak mereka.

Pengurusan risiko kredir dilaksanakan melalui pernilaian kredit dalaman bagi risiko kredit yang matan.

3. DASAR-DASAR PERAKAUNAN

Majlis menggunapakai piawaian perakaunan yang telah diluluskan sebulat suara oleh Ahli-Ahli Majlis seperti berikut:

3.1 Asas-Asas Perakaunan

3.1.1 Kos Sejarah

Penyata Kewangan ini disediakan menurut konvokesyen kos sejarah selain daripada dalam nota-nota kepada penyata kewangan dan mengikut piawaian perakaunan yang diluluskan sebulat suara oleh Ahli-Ahli Majlis.

3.1.2 Pengiktirafan Pendapatan

i. Hasil Kendalian/Operasi

Hasil daripada kendalian/operasi seperti Cukai Taksiran Am, Notis E, Waran, Notis Tuntutan, Sewaaan dan Faedah kecuali simpanan di sistem perbankan islam akan diiktiraf sebagai pendapatan di dalam tahun semasa dengan menggunakan asas akruan. Manakala hasil kendalian/operasi selain daripada yang tersebut di atas diiktiraf berdasarkan asas tunai yang mana perlu.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA
KEWANGAN 31 DISEMBER 2016—(*Samb.*)

3. DASAR-DASAR PERAKAUNAN—(*Samb.*)

ii. Terimaan Bukan Hasil

Pendapatan-pendapatan lain seperti bantuan dan sumbangan daripada Kerajaan Negeri dan Persekutuan atau lain-lain pendapatan yang berkelaziman atau di bawah kehendak mana-mana akta dan arahan akan diiktirafkan secara akruan di mana perlu.

3.1.3 Pengiktirafan Perbelanjaan

Perbelanjaan diiktiraf sebagai perbelanjaan di dalam tahun semasa dengan menggunakan asas akruan.

3.2 Pengiktirafan Hartanah

3.2.1 Harta diiktiraf sebagai aset tetap pada nilai RM2,000.00 ke atas dan bagi nilai yang kurang daripada RM2,000.00 diambilkira sebagai perbelanjaan di bawah butiran harta modal yang lain.

3.2.2 Projek pembangunan mega/besar melalui sumber luar seperti Jabatan Landskap Negara, Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN) dan lain-lain, di mana kos keseluruhannya termasuk kerja-kerja landskap dan infrastruktur awam yang tinggi maka hanya kos bangunan sahaja yang dipermodalkan.

3.2.3 Susutnilai adalah diperuntukkan dan dikira berdasarkan kaedah garisan lurus. Peruntukan amaun susutnilai bagi sesuatu aset adalah jumlah yang boleh disusutnilaikan daripada aset tersebut bagi tempoh hayat boleh guna yang dijangkakan.

3.2.4 Pengiktirafan Susutnilai

i. Pengiktirafan susutnilai atas harta dilakukan hanya bagi pembelian harta sebelum/pada 30hb. Jun setiap tahun dengan mengambilkira peruntukan total untuk setahun tanpa mengambilkira bulan dibeli.

ii. Tiada peruntukan susutnilai dibuat ke atas tanah milik bebas, manakala tanah pajakan dilunaskan mengikut tempoh pajakan.

3.2.5 Kadar-kadar tahunan yang digunakan adalah seperti berikut:

| | |
|---|---|
| Tanah Milik Pajak | Tempoh Pajakan 99 Tahun |
| Bangunan | 2% |
| Gerai | 5% |
| Kenderaan | 20% |
| Kelengkapan Pejabat | 20% |
| Peralatan | 20% |

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA
KEWANGAN 31 DISEMBER 2016—(*Samb.*)

3. DASAR-DASAR PERAKAUNAN—(*Samb.*)

3.3 Carum Bantu Kadar

Pemberian Caruman Bantu Kadar adalah berdasarkan kepada Caruman/ Pemberian yang diluluskan sama ada oleh Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahaan dan Kerajaan Tempatan, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri dan lain-lain pihak yang terlibat dan direalisasikan sebagai pendapatan mengikut tahun tuntutan.

3.4 Pendapatan Geran

3.4.1 Geran Kerajaan yang berkaitan dengan harta tetap adalah diiktiraf sebagai pendapatan dalam penyata pendapatan mengikut anggaran jangka hayat tersebut (pendapatan ditundakan mengikut amaun susutnilai tahunan) dan dipersembahkan dalam Lembaran Imbangan sebagai Pemberian Kerjaan di dalam Penyata Kewangan Semasa.

3.4.2 Geran Kerajaan yang diterima selain daripada Geran yang berkaitan dengan harta tetap diiktiraf sebagai pendapatan dalam tahun diterima tanpa wujudnya tunggakan penerimaan Geran Kerajaan di dalam Penyata Kewangan Semasa.

3.5 Kerja Dalam Pelaksanaan

Kerja dalam pelaksanaan adalah kerja-kerja yang masih belum disempurnakan pada akhir tahun kewangan dan dinyatakan pada nilai kos mengikut kaedah siap dilaksanakan.

3.6 Pinjaman

Pinjaman yang diperolehi daripada mana-mana Kerajaan, Agensi dan lain-lain pidak diperakaunkan berdasarkan syarat-syarat yang dipersetujui bersama dan dinyatakan di Lembaran Imbangan sebagai Pinjaman Jangka Panjang. Jumlah bayaran balik pula dinyatakan sebagai Pinjaman Jangka Pendek yang mengurangkan jumlah Pinjaman Jangka Panjang mengikut jumlah yang sama.

3.7 Kemudahan Awam

Kemudahan yang berkaitan dengan kepentingan awam tidak diiktiraf sebagai harta dan tidak dipermodalkan.

3.8 Penghutang

Penghutang dinyatakan setelah ditolak peruntukan hutang ragu.

Hutang-hutang lapuk yang dikenalpasti akan dihapuskira maka elaun khas diwujudkan bagi hutang-hutang yang dianggap ragu untuk dikutip.

Peruntukan hutang ragu diambilkira berdasarkan tempoh hutang melebihi 6 tahun. Manakala bagi Cukai Taksiran Am, peruntukan hutang ragu diambilkira berdasarkan tempoh hutang melebihi 10 tahun.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA
KEWANGAN 31 DISEMBER 2016—(*Samb.*)

3. DASAR-DASAR PERAKAUNAN—(*Samb.*)

3.9 Cukai Barangan dan Perkhidmatan (GST)

MPKK telah mendaftar sebagai agen GST pada 5.11.2014 dan nombor pendaftaran adalah 001707556864.

Berdasarkan Bahagian 8, Seksyen 64 Akta Cukai Barangan dan Perkhidmatan 2014, Pihak Berkuasa Tempatan tertakluk kepada GST seperti berikut:

| | | |
|---|---|---|
| Di Luar Skop (Tidak Kena GST) | Pembekalan berkaitan fungsi Penguatkuasaan dan Kawalselia | - Cukai Taksiran<br>- Lesen<br>- Denda dan Hukuman |
| Tertakluk Kepada GST (Kena GST) | Pembekalan bukan berkaitan fungsi Penguatkuasaan dan Kawalselia. | - Perkhidmatan dan Bayaran Perkhidmatan<br>- Jualan<br>- Sewaan |

3.9.1 Cukai Output

Pengiraan GST atas cukai output adalah berdasarkan asas tunai.

Arahan Kerajaan Negeri berkaitan GST ke atas aktiviti yang melibatkan perkhidmatan terus kepada rakyat, hendaklah diserap manakala aktiviti yang berbentuk komersial, GST dikenakan kepada pengguna.

Oleh itu semua aktiviti bukan berkaitan fungsi Penguatkuasaan dan Kawalselia, diserap GST oleh MPKK kecuali Sewa Bangunan Perniagaan, Sewa Kedai E, Sewa Resort, Sewa Dewan Jubli, Letak Kereta Bermusim dan Persendirian, Proses Pelan Landskap, Proses Nama Jalan/Taman, Proses Nombor Baru, Sewa Tapak Papan Iklan dan Pelan Pinta Ukur dikenakan GST kepada pelanggan.

3.9.2 Cukai Input

Pengiraan Cukai Input bagi perolehan barang dan perkhidmatan adalah berdasarkan asas tunai.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA
KEWANGAN 31 DISEMBER 2016—(*Samb.*)

## 4. HARTANAH, LOJI DAN PERALATAN

| 2016 | Pen. Tanah (RM) | Tanah (RM) | Bangunan (RM) | Gerai (RM) | Kenderaan (RM) | Peralatan (RM) | Peralatan R. Rehat (RM) | K. Pejabat (RM) | K.Pejabat R. Rehat (RM) | Jumlah (RM) |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| Kos pada 1hb. Januari | 706,000 | 236,077 | 65,901,641 | 1,542,686 | 5,830,047 | 919,771 | 3,650 | 4,629,280 | 183,246 | 79,952,398 |
| Tambahan dalam Tahun | - | - | 7,111,608 | 18,818 | - | 4,450 | - | 327,898 | - | 7,462,774 |
| Pelupusan | - | - | - | - | (264,803) | (89,950) | (2,500) | (122,677) | (101,160) | (581,090) |
| Kos pada 31 Disember | 706,000 | 236,077 | 73,013,249 | 1,561,504 | 5,565,244 | 834,271 | 1,150 | 4,834,501 | 82,086 | 86,834,082 |
| Susutnilai Terkumpul 1/1 | 192,543 | 42,451 | 14,844,014 | 1,002,370 | 3,860,514 | 865,231 | 3,188 | 3,704,630 | 178,170 | 24,693,111 |
| Susutnilai Semasa | 7,131 | 2,385 | 1,429,405 | 61,563 | 650,961 | 16,687 | 230 | 512,264 | 1,090 | 2,681,716 |
| Pelupusan | - | - | - | - | (238,798) | (89,949) | (2,498) | (76,851) | (99,045) | (507,141) |
| Susutnilai Terkumpul 31/12 | 199,674 | 44,836 | 16,273,419 | 1,063,933 | 4,272,677 | 791,969 | 920 | 4,140,043 | 80,215 | 26,867,686 |
| Nilai Buku Bersih | 506,326 | 191,241 | 56,739,830 | 497,571 | 1,292,567 | 42,302 | 230 | 694,458 | 1,871 | 59,966,396 |

Tanah PT 921 HSDKK 167 telah dinilai semula 31hb Oktober 1995 berasaskan penilaian profesional bebas berdasarkan kaedah penggunaan yang sedia ada. Rezab atas penilaian tanah ini sejumlah RM494,387.50 disusutnilaikan mengikut jumlah tahun pajakan iaitu 99 tahun.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA
KEWANGAN 31 DISEMBER 2016—(*Samb.*)

4. HARTANAH, LOJI DAN PERALATAN—(*Samb.*)

| 2015 | Pen. Tanah (RM) | Tanah (RM) | Bangunan (RM) | Gerai (RM) | Kenderaan (RM) | Peralatan (RM) | Peralatan R. Rehat (RM) | K. Pejabat (RM) | K.Pejabat R. Rehat (RM) | Jumlah (RM) |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| Kos pada 1hb. Januari | 706,000 | 236,077 | 84,180,633 | 1,542,686 | 5,390,516 | 892,945 | 3,650 | 4,601,415 | 183,246 | 97,737,168 |
| Tambahan dalam Tahun | - | - | 307,704 | - | 439,531 | 26,826 | - | 27,865 | - | 801,926 |
| Pelupusan | - | - | (18,586,696) | - | - | - | - | - | - | (18,586,696) |
| Kos pada 31 Disember | 706,000 | 236,077 | 65,901,641 | 1,542,686 | 5,830,047 | 919,771 | 3,650 | 4,629,280 | 183,246 | 79,952,398 |
| Susutnilai Terkumpul 1/1 | 185,412 | 40,066 | 15,019,076 | 941,747 | 3,260,993 | 852,465 | 2,958 | 3,201,805 | 176,032 | 23,680,554 |
| Susutnilai Semasa | 7,131 | 2,385 | 1,309,273 | 60,623 | 599,521 | 12,766 | 230 | 502,825 | 2,138 | 2,496,892 |
| Pelupusan | - | - | (1,484,335) | - | - | - | - | - | - | (1,484,335) |
| Susutnilai Terkumpul 31/12 | 192,543 | 42,451 | 14,844,014 | 1,002,370 | 3,860,514 | 865,231 | 3,188 | 3,704,630 | 178,170 | 24,693,111 |
| Nilai Buku Bersih | 513,457 | 193,626 | 51,057,627 | 540,316 | 1,969,533 | 54,540 | 462 | 942,650 | 5,076 | 55,259,287 |

Tanah PT 921 HSDKK 167 telah dinilai semula 31hb Oktober 1995 berasaskan penilaian profesional bebas berdasarkan kaedah penggunaan yang sedia ada.
Rezab atas penilaian tanah ini sejumlah RM494,387.50 disusutnilaikan mengikut jumlah tahun pajakan iaitu 99 tahun.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA
KEWANGAN 31 DISEMBER 2016—(*Samb.*)

4. HARTANAH, LOJI DAN PERALATAN—(*Samb.*)

4.1 KELENGKAPAN PEJABAT

Kos Kelengkapan Pejabat yang berjumlah RM2,236,791 adalah termasuk pembelian peralatan dan perisian Sistem Kompaun dan Multimedia yang dibeli secara sewabeli pada 11 April 2008 dengan kos sebanyak RM82,800. (Rujuk Nota 15)

5. STATUS MILIKAN TANAH

5.1 Majlis memiliki 3 bidang tanah iaitu PT 921 HS(D)KK 167 Mukim Saiong, PT 2039 Jalan Daeng Selili dan PT 1912 Jalan Kangsar di mana PT 921 HS(D)KK 167 telah dibangunkan dengan projek landskap Taman Poket 'Pocket Park' manakala PT 2039 dan PT 1912 telah didirikan bangunan.

5.2 Lain-lain bangunan adalah didirikan atas tanah milik Kerajaan Negeri dan dipohon untuk direzabkan kepada Majlis di bawah kawalan Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri.

5.3 Tapak Resort Sungai Perak telah dipohon hakmilik.

5.4 Tapak kedai di atas PT 3036, 3037 dan 3038 Jalan Dato' Maharajalela adalah dimiliki hasil daripada balasan bagi projek usahasama dengan Friendly Park Sdn. Bhd. Pada 28 Oktober 2008, bangunan tersebut telah siap dan telah dinilai sementara oleh Jabatan Penilaian dan Harta MPKK dengan kos sebanyak RM1,780,000 di mana 1 unit bernilai RM620,000 dan 2 unit lagi bernilai RM580,000 setiap satu.

6. KERJA DALAM PERLAKSANAAN

| | 2016<br>RM | 2015<br>RM |
|---|---|---|
| i) Membina Krematorium di Tanah Perkuburan Hindu Sungai Siput (U) | 1,683,609 | 222,902 |

7. PENGHUTANG

| | | |
|---|---|---|
| Cukai Taksiran Am | 3,805,402 | 3,522,667 |
| Carum Bantu Kadar - Badan Berkanun | 617,616 | 347,794 |
| Sewaan | 1,787,230 | 2,119,828 |

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA
KEWANGAN 31 DISEMBER 2016—(*Samb.*)

7. PENGHUTANG—(*Samb.*)

| | 2016 | 2015 |
|---|---|---|
| | RM | RM |
| Sewa Bilik dan Dewan Rumah Rehat | 20,523 | 20,673 |
| Notis E | 715,848 | 622,038 |
| Waran | 10,137 | 12,452 |
| Notis Tuntutan | 780 | 810 |
| Pelbagai Penghutang | 4,619 | 17,922 |
| | 6,962,155 | 6,664,184 |
| Tolak : Peruntukan Hutang Ragu | | |
| Cukai Taksiran Am | 604,097 | - |
| Sewa Dewan | - | 617 |
| Sewa Peralatan | - | 200 |
| Sewa Padang | - | 2,590 |
| Sewa Arena Square | 3,900 | 5,000 |
| Sewa Bilik dan Dewan Rumah Rehat | 19,543 | 15,093 |
| | 627,540 | 23,500 |
| | 6,334,615 | 6,640,684 |

8. BAYARAN TERDAHULU

| | | |
|---|---|---|
| Insurans | 61,071 | 13,502 |

9. CAGARAN DIBAYAR

| | | |
|---|---|---|
| Air | 18,040 | 18,040 |
| Kes Timbangtara | 20,000 | 20,000 |
| | 38,040 | 38,040 |

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA
KEWANGAN 31 DISEMBER 2016—(*Samb.*)

10. SIMPANAN TETAP

| | 2016 RM | 2015 RM |
|---|---|---|
| Baki pada 1hb. Januari | 1,000,000 | 1,000,000 |
| Campur : Tambahan Dalam Tahun | 2,000,000 | 4,000,000 |
| Tolak : Keluaran Dalam Tahun | (1,000,000) | (4,000,000) |
| Baki pada 31hb Disember | 2,000,000 | 1,000,000 |

11. WANG DI BANK DAN DI TANGAN

| | | |
|---|---|---|
| Wang Dalam Bank : | | |
| MPKK | 992,863 | 1,198,573 |
| MPKK (Akaun Bank Islam) | 1,002 | 1,001 |
| Program Pembasmian Kemiskinan | 143,310 | 156,949 |
| Bank Simpanan Nasional | 1,000 | - |
| Wang Di Tangan : | | |
| MPKK | 1,000 | 1,000 |
| Wang Pusingan Kaunter | 200 | 200 |
| | 1,139,375 | 1,357,723 |

12. PEMIUTANG

| | | |
|---|---|---|
| Peruntukan Bayaran Audit | 21,975 | 21,975 |
| Kutipan Bekalan Air | 150,000 | 150,000 |
| Sewa Beli (Nota 15) | 16,100 | 16,100 |
| Pinjaman Negeri (Nota 16) | 928,460 | 1,247,430 |
| Faedah Terakru - Pinjaman Negeri | 26,468 | 77,940 |
| Pemiutang GST | 9,214 | 6,129 |
| Majlis Agama Islam (Nota 12.2) | 27,666 | 27,666 |
| Pelbagai Pemiutang | 1,685,180 | 1,770,994 |
| | 2,865,063 | 3,318,234 |

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA
KEWANGAN 31 DISEMBER 2016—(*Samb.*)

12.2 MAJLIS AGAMA ISLAM

Kos binaan bangunan tersebut selesai dengan menolak hasil sewaan yang telah dikutip malahan setakat 31.12.2016 terlebih lebihan yang perlu dibayar kepada MAIAMP namun bayaran balik ini hanya akan dibuat pada awal tahun 2017 selepas ditolak dengan peratusan kos pengurusan bangunan tersebut.

13. TERIMAAN TERDAHULU

| | 2016<br>RM | 2015<br>RM |
|---|---|---|
| Cukai Taksiran Am | 93,266 | 70,223 |
| Caruman Bantu Kadar | 1 | 1,063 |
| Sewaan | 3,447 | 41,978 |
| | 96,714 | 113,264 |

14. CAGARAN DITERIMA

| | | |
|---|---|---|
| Pelbagai Cagaran | 951,814 | 856,977 |

15. PAJAKAN SEWA BELI

| | | |
|---|---|---|
| Baki pada 1hb. Jan | 16,100 | 16,1000 |
| Pembayaran Dalam Tahun | - | - |
| Baki Pada 31hb. Disember | 16,100 | 16,100 |

Diwakili Oleh:

| | | |
|---|---|---|
| Pemiutang - Sewa Beli | 16,100 | 16,1000 |
| Amaun Belum Bayar Untuk Tempoh 12 Bulan Berikutnya | - | - |
| | 16,100 | 16,100 |

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA
KEWANGAN 31 DISEMBER 2016—(*Samb.*)

15. PAJAKAN SEWA BELI—(*Samb.*)

Pihak Majlis telah menandatangani perjanjian pembekalan peralatan dan perisian Sistem Kompaun Multimedia secara sewa beli dengan Prominent Multimedia Sdn. Bhd. pada 11 April 2008.

| | | |
|---|---|---|
| Tarikh Mula | : | 7 Mei 2008 |
| Tempoh | : | 3 Tahun (Berakhir 6 Mei 2011) |
| Kos Sebulan | : | RM2,300 |
| Kos Keseluruhan | : | RM82,800 |

16. PINJAMAN

| | 2016 RM | 2015 RM |
|---|---|---|
| Baki Pada 1hb Januari | 2,570,833 | 2,498,735 |
| Tambahan Pinjaman Dalam Tahun (Faedah Dipokokkan) | - | 72,098 |
| Pembayaran Dalam Tahun | (640,060) | - |
| Pelarasan (Ditukarkan Ke Bentuk Geran) | - | - |
| Baki Pada 31hb Disember | 1,930,773 | 2,570,833 |
| Diwakili Oleh: | | |
| Pemiutang (Perlu Dibayar Dalam Tempoh 12 Bulan) | 928,459 | 1,247,430 |
| Jangka Pendek (Perlu Dibayar Dalam Tempoh 12 Bulan Berikutnya) | 327,511 | 321,089 |
| Jangka Panjang (Perlu Dibayar Selepas Tempoh 12 Bulan Berikutnya) | 674,803 | 1,002,314 |
| | 1,930,773 | 2,570,833 |

Pembayaran dalam tahun semasa telah dibayar secara kontra dengan Kumpulan Wang Marris.

16.1 Pinjaman adalah bagi membiayai belanja pengurusan.

| | | |
|---|---|---|
| Amaun Pinjaman | : | RM3,000,000.00 |
| Tempoh Pinjaman | : | Tujuh (7) Tahun |
| Tempoh Pertangguhan | : | Dua (2) Tahun |

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA
KEWANGAN 31 DISEMBER 2016—(*Samb.*)

16. PINJAMAN—(*Samb.*)

16.1 Pinjaman adalah bagi membiayai belanja pengurusan.—(*Samb.*)

| | | |
|---|---|---|
| Tempoh Bayaran Balik | : | Lima (5) Tahun |
| Kadar Faedah | : | 1% setahun |
| Tarikh Bermula Tempoh Bayaran Balik | : | 15.01.2011 (RM630,256.55 setahun) |
| Amaun Pinjaman | : | RM3,000,000.00 |
| Faedah Yang Dipokokkan | : | RM58,906.85 |
| Bayaran Balik | : | RM2,451,536.28 (Ansuran Tahun 2011 - 2015) |
| Baki Pinjaman | : | RM607,370.57 (Matang 15.01.2015 - Pemiutang) |

16.2 Pinjaman bagi membiayai Kerja-Kerja Luar Skop Dewan Jubli.

Amaun Pinjaman : RM1,874,719.00
(Terima Tahun 2013 - RM894,299 dan Tahun 2012 RM980,420)

| | | |
|---|---|---|
| Tempoh Pinjaman | : | Lapan (8) Tahun |
| Tempoh Pertangguhan | : | Dua (2) Tahun |
| Tempoh Bayaran Balik | : | Enam (6) Tahun |
| Kadar Faedah | : | 2% setahun |
| Tarikh Bermula Tempoh Bayaran Balik | : | 12.11.2014 (RM347,557.01 setahun) |
| Amaun Pinjaman | : | RM1,874,719.00 |
| Faedah Yang Dipokokkan | : | RM72,097.60 |
| Bayaran Balik | : | RM623,413.77 (Ansuran Tahun 2014 - 2015) |
| Baki Pinjaman | : | RM1,323,402.83 (Matang 12.11.2016 - RM321,088.95) |

17. KUMPULAN WANG TERKUMPUL

| | 2016 RM | 2015 RM |
|---|---|---|
| Kurangan pendapatan atas perbelanjaan bagi tahun | (928,520) | (965,457) |
| Baki pada 1hb Januari Seperti yang dilaporkan dahulu | 6,813,803 | 7,779,260 |
| Baki pada 31hb Disember | 5,885,283 | 6,813,803 |

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA
KEWANGAN 31 DISEMBER 2016—(*Samb.*)

18. KUMPULAN WANG LAIN-LAIN

| | | 2016 RM | 2015 RM |
|---|---|---|---|
| 18.1 | Kumpulan Wang Pinjaman Kenderaan | 150,000 | 150,000 |
| 18.2 | Kumpulan Wang Pinjaman Komputer | 50,000 | 50,000 |
| 18.3 | Kumpulan Wang Pembangunan | | |
| | Baki pada 1hb Januari | 2,211,811 | 965,958 |
| | Tambah : Penerimaan Dalam Tahun | 5,541,149 | 2,405,924 |
| | Tolak : Pelarasan Dalam Tahun | - | (50,000) |
| | Tolak : Pembayaran Dalam Tahun | (4,177,884) | (1,110,071) |
| | Baki pada 31hb Disember | 3,575,076 | 2,211,811 |

Penerimaan Dalam Tahun adalah seperti berikut:

| | | |
|---|---|---|
| i) | Projek BP1 - Naik Taraf Jalan dan Bina Bahu Jalan | 28,248 |
| ii) | YAB Menteri Besar - Sumbangan Baik Pulih Resort Sungai Perak | 100,000 |
| iii) | Projek BP1 - Naik Taraf Bumbung Gerai | 18,818 |
| iv) | YAB Menteri Besar - Sumbangan Baik Pulih Mini Stadium Kuala Kangsar | 150,000 |
| v) | Projek BP1 - Menaik Taraf Jalan | 78,800 |
| vi) | Projek BP1 - Menaik Taraf Jalan | 89,030 |
| vii) | Projek BP1 - Menaik Taraf Tandas Awam, Bina Longkang dan Bina Gerai | 980,009 |
| viii) | Projek BP1- Membina Gerai dan Naiktaraf Kolam Renang | 939,810 |
| ix) | Projek BP1 - Membina Mini Arena, Naiktaraf Resort Sg Perak, Pemasangan Lampu dan Naiktaraf Jalan | 2,371,455 |
| vi) | Jab. Landskap Negara - Projek Pembangunan Persekitaran | 784,979 |
| | Jumlah | 5,541,149 |

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA
KEWANGAN 31 DISEMBER 2016—(*Samb.*)

18. KUMPULAN WANG LAIN-LAIN—(*Samb.*)

| | 2016<br>RM | 2015<br>RM |
|---|---|---|
| **18.4 Kumpulan Wang Pengurusan** | | |
| Baki pada 1hb Januari | 169,570 | 232,503 |
| Tambah : Penerimaan Dalam Tahun | 107,316 | 87,644 |
| Tambah : Pelarasan Dalam Tahun | - | 50,000 |
| Tolak : Pembayaran Dalam Tahun | (82,714) | (200,577) |
| Baki pada 31hb Disember | 194,172 | 169,570 |
| **18.5 Kumpulan Wang Pembasmian Kemiskinan** | | |
| Baki pada 1hb Januari | 156,949 | 156,952 |
| Tambah : Penerimaan Dalam Tahun | - | 26,784 |
| Tolak : Pembayaran Dalam Tahun | (13,639) | (26,787) |
| Baki pada 31hb Disember | 143,310 | 156,949 |
| **18.6 Kumpulan Wang Saliran** | | |
| Baki pada 1hb Januari | 83,040 | 371,729 |
| Tambah : Penerimaan Dalam Tahun | 119,640 | 116,246 |
| Tolak : Pembayaran Dalam Tahun | - | (404,935) |
| Baki pada 31hb Disember | 202,680 | 83,040 |
| **18.7 Kumpulan Wang Kampung Tersusun Taman Mayang Sari** | | |
| Baki pada 1hb Januari | 7,000 | 7,000 |
| Tambah : Penerimaan Dalam Tahun | - | - |
| Tolak : Pembayaran Dalam Tahun | - | - |
| Baki pada 31hb Disember | 7,000 | 7,0000 |

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA
KEWANGAN 31 DISEMBER 2016—(*Samb.*)

18. KUMPULAN WANG LAIN-LAIN—(*Samb.*)

| | 2016 RM | 2015 RM |
|---|---|---|
| 18.8 Kumpulan Wang Caj Pemajuan | | |
| Baki pada 1hb Januari | 121,600 | 121,600 |
| Tambah : Penerimaan Dalam Tahun | 50,590 | - |
| Tolak : Pembayaran Dalam Tahun | - | - |
| Baki pada 31hb Disember | 172,190 | 121,600 |
| Jumlah Kumpulan Wang Lain-lain | 4,494,428 | 2,949,970 |

19. REZAB ATAS PENILAIAN TANAH

| | | |
|---|---|---|
| Baki pada 31hb Disember | 494,387 | 494,387 |

Tanah P.T. 921 HSDKK 167 telah dinilai semula 31hb Oktober 1995 berasaskan penilaian profesional bebas berdasarkan kaedah penggunaan yang sedia ada. Rezab atas penilaian tanah ini sejumlah RM494,387.50 disusutnilaikan mengikut jumlah tahun pajakan iaitu 99 tahun.

20. PEMBERIAN KERAJAAN YANG DIPERMODALKAN

| 2016 | Baki Pada 1.1.2016 (RM) | Tambahan (RM) | Pelarasan/ (Pelupusan) (RM) | Jumlah Yang diperuntukan Kepada Pendapatan Semasa (RM) | Baki Pada 31.12.2016 (RM) |
|---|---|---|---|---|---|
| Bangunan | 46,075,878 | 7,111,607 | - | (1,273,844) | 51,913,641 |
| Gerai | 510,036 | 18,818 | - | (56,949) | 471,905 |
| Kenderaan | 1,607,098 | - | (26,004) | (535,282) | 1,045,812 |
| Peralatan | 22,424 | - | (1) | (6,276) | 16,147 |
| Kelengkapan Pejabat | 223,762 | 194,978 | (45,821) | (70,930) | 301,989 |
| Kerja Dalam Pelaksanaan | 222,902 | 1,460,707 | - | - | 1,683,609 |
| Jumlah | 48,662,100 | 8,786,110 | (71,826) | (1,943,281) | 55,433,103 |

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA
KEWANGAN 31 DISEMBER 2016—(*Samb.*)

20. PEMBERIAN KERAJAAN YANG DIPERMODALKAN—(*Samb.*)

| 2015 | Baki Pada 1.1.2015 (RM) | Tambahan (RM) | Pelarasan/ (Pelupusan) (RM) | Jumlah Yang diperuntukan Kepada Pendapatan Semasa (RM) | Baki Pada 31.12.2015 (RM) |
|---|---|---|---|---|---|
| Bangunan | 63,932,926 | 307,704 | (16,992,760) | (1,171,992) | 46,075,878 |
| Gerai | 566,044 | - | - | (56,008) | 510,036 |
| Kenderaan | 1,975,148 | 164,772 | - | (532,822) | 1,607,098 |
| Peralatan | 11,557 | 14,288 | - | (3,421) | 22,424 |
| Kelengkapan Pejabat | 304,828 | - | - | (81,066) | 223,762 |
| Kerja Dalam Pelaksanaan | - | 222,902 | - | - | 222,902 |
| Jumlah | 66,790,503 | 709,666 | (16,992,760) | (1,845,309) | 48,662,100 |

21. HASIL CUKAI

| | 2016 RM | 2015 RM |
|---|---|---|
| Cukai Taksiran Am | 9,685,541 | 9,270,373 |
| Carum Bantu Kadar | 809,185 | 793,194 |
| | 10,494,726 | 10,063,567 |

22. HASIL BUKAN CUKAI

| | | |
|---|---|---|
| Lesen dan Bayaran Pendaftaran | 1,889,277 | 1,843,612 |
| Sewaan | 2,210,346 | 2,068,828 |
| Perkhidmatan dan Bayaran Perkhidmatan | 765,123 | 959,309 |
| Faedah dan Perolehan Dari Pelaburan | 86,629 | 107,310 |
| Denda dan Hukuman | 766,053 | 749,185 |
| Perolehan Dari Jualan Barang-Barang | 116,987 | 113,115 |
| Sumbangan Tempatan | 183,360 | 86,650 |
| | 6,017,775 | 5,928,009 |

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA
KEWANGAN 31 DISEMBER 2016—(*Samb.*)

23. TERIMAAN BUKAN HASIL

| | 2016 RM | 2015 RM |
|---|---|---|
| Keuntungan Pelupusan Aset | 29,488 | - |
| Hutang Ragu Terpulih | 1,900 | - |
| Sumbangan Kerajaan Persekutuan | 2,539,109 | 2,423,224 |
| Terimaan-Terimaan Yang Lain | 1,015,075 | 717,762 |
| Pindahan Dari Pemberian Kerajaan Dimodalkan | 1,943,281 | 1,845,309 |
| | 5,528,853 | 4,986,295 |

24. EMOLUMEN

| | | |
|---|---|---|
| Gaji dan Upahan | 6,888,821 | 6,465,635 |
| Elaun Tetap | 2,474,182 | 2,196,872 |
| Sumbangan Berkanun Untuk Kakitangan | 1,177,528 | 1,126,402 |
| Elaun Lebih Masa | 1,301,129 | 1,346,973 |
| Faedah Kewangan Kakitangan Awam | 148,567 | 562,061 |
| | 11,990,227 | 11,697,943 |

25. PERKHIDMATAN DAN BEKALAN

| | | |
|---|---|---|
| Perjalanan dan Sara Hidup | 104,728 | 126,333 |
| Pengangkutan Barang-Barang | 2,347 | 3,857 |
| Perhubungan dan Utiliti | 2,901,560 | 2,932,654 |
| Sewaan | 58,761 | 64,029 |
| Bahan Mentah dan Bahan Untuk Penyelenggaraan | 1,172,189 | 1,233,435 |
| Bekalan dan Bahan-Bahan | 329,725 | 375,396 |
| Penyelenggaraan dan Pembaikan Kecil Yang Dibeli | 558,517 | 596,384 |
| Perk. Ikhtisas, Perkh. Lain Yang Dibeli dan Hospitaliti | 1,724,462 | 1,477,497 |
| | 6,852,289 | 6,809,585 |

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA
KEWANGAN 31 DISEMBER 2016—(*Samb.*)

26. HARTA MODAL

| | 2016 RM | 2015 RM |
|---|---|---|
| Penambahbaikan Kenderaan dan Jentera | 30,320 | 18,400 |
| Harta Modal Yang Lain | 56,849 | 50,264 |
| | 87,169 | 68,664 |

27. PEMBERIAN DAN KENAAN BAYARAN TETAP

| | | |
|---|---|---|
| Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap | 27,550 | 12,780 |
| Faedah dan Dividen | 26,468 | 150,038 |
| Ganjaran | 1,333 | - |
| Gantian Cuti | 13,930 | 14,996 |
| | 69,281 | 177,814 |

28. PERBELANJAAN LAIN

| | | |
|---|---|---|
| Pulangbalik, Elaun Kekosongan, Hutang Ragu dan Hapuskira | 1,043,496 | 329,672 |
| Insuran | 106,733 | 95,490 |
| Bayaran-Bayaran Lain | 122,424 | 112,579 |
| Kerugian Pelupusan Aset | 2,121 | 109,601 |
| | 1,274,774 | 647,342 |

29. PEMBANGUNAN

| | | |
|---|---|---|
| Pelbagai Binaan dan Alat Kebersihan | - | 3,000 |
| Pengindahan, Pelancongan dan Taman Bunga | 14,418 | 42,088 |
| | 14,418 | 45,088 |

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA
KEWANGAN 31 DISEMBER 2016—(*Samb.*)

30. LIABILITI LUAR JANGKA

Mahkamah Tinggi Taiping : Guaman Sivil No.: 22-26-06-2011

Kow Thin Tong (Meniaga di bawah nama Perniagaan T & T Metal Works) LWN

1) Antap Murni Sdn. Bhd. (No. 497527-U)
2) Ahmad Sirajuddin bin Sharif

Dalam kes ini, Mahkamah telah membuat Penghakiman Ingkar Kehadiran terhadap Defendan kerana tidak hadir pada tarikh sebutan dan dalam Penghakiman Ingkar tersebut, diperintahkan Majlis Perbandaran Kuala Kangsar membayar Plaintif, Wang Jaminan Pelaksanaan sejumlah RM159,570.08 yang diserah simpan oleh Defendan Pertama.

Walaubagaimanapun, Majlis Perbandaran Kuala Kangsar melalui peguan Majlis telah memohon untuk mencelah dalam prosiding di atas dan mengenepikan perintah tersebut. Pihak Mahkamah Tinggi telah menolak permohonan Majlis. Penghakiman Ingkar Kehadiran yang bertarikh 18.01.2012 tidak dapat diketepikan setakat ini.

Pihak Majlis telah membuat rayuan ke Mahkamah Rayuan, tetapi ditarikbalik 25.11.2013 kerana responden/plaintif telah bersetuju untuk memfailkan Notis 'Garnishment'. Oleh itu MPKK mempunyai peluang untuk menunjukkan kepada Mahkamah bahawa Wang Jaminan Pelaksanaan yang dipertikaikan adalah wajar digunakan untuk menyiapkan kerja-kerja membina atap Rumah Rehat yang tidak diselesaikan oleh Pihak Kontraktor. (Antap Murni Sdn. Bhd.) sehingga ke tarikh ini, pihak plaintif belum memfailkan Notis 'Garnishment'.

31. PENGLIBATAN MODAL

| | 2016<br>RM | 2015<br>RM |
|---|---|---|
| Membina Krematorium di Tanah Perkuburan Hindu Sungai Siput | 313,710 | 1,735,175 |
| Jumlah Diluluskan dan Dikontrakkan | 313,710 | 1,735,175 |

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA
KEWANGAN 31 DISEMBER 2016—(*Samb.*)

31. PENGLIBATAN MODAL—(*Samb.*)

| | 2016 RM | 2015 RM |
|---|---|---|
| 31.1 Membina Krematorium Di Tanah Perkuburan Hindu Sungai Siput (U) | | |
| Kos Asal Kontrak | 1,780,070 | 1,780,070 |
| Bayaran Sehingga 31.12.2015 | (116,098) | (116,098) |
| Bayaran Sehingga 31.12.2016 | (1,385,864) | - |
| | 278,108 | 1,663,972 |
| Kos Perunding | 178,007 | 178,007 |
| Bayaran Sehingga 31.12.2015 | (106,804) | (106,804) |
| Bayaran Sehingga 31.12.2016 | (35,601) | - |
| | 35,602 | 71,203 |
| Baki | 313,710 | 1,735,175 |

Projek ini mendapat peruntukkan YAB Perdana Menteri. Tarikh Mula pada 30.5.2015 dan tarikh jangka siap pada 13.11.2015, tetapi pihak kontraktor telah mohon untuk lanjut masa sehingga 13.3.2016.

Prestasi Fizikal setakat 31 Disember 2016 adalah 92%.

**No. 3805.**

LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA
MENGENAI PENYATA KEWANGAN
MAJLIS DAERAH KERIAN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2016

Laporan Mengenai Penyata Kewangan

*Pendapat*

